

Pemakaian Tali Pinggang Keselamatan Ketika Hamil

Perluakah saya memakai tali pinggang keledar?

- Ya. Memakai tali pinggang keledar anda dengan betul ialah perkara paling penting yang boleh anda lakukan untuk memastikan keselamatan anda dan bayi anda.

Bagaimanakah cara yang betul untuk saya memakai tali pinggang keselamatan?

- Letakkan tali pinggang bahagian pinggang di bawah lengkungan perut anda supaya tali pinggang tersebut terletak pada pinggul anda.
- Pakai tali pinggang bahu di sisi perut anda dan lintangkannya secara menyerong merentasi tengah dada serta tulang selangka.

Bagaimanakah cara yang betul untuk melaraskan tempat duduk saya?

- Duduklah dalam kedudukan tegak yang selesa.
- Laraskan tempat duduk anda supaya anda dapat:
 - Tekan pedal brek hingga ke lantai dengan bahagian tapak kaki anda berada di atas pedal.
 - Pegang bahagian atas stereng dengan siku anda sedikit bengkok.

Apakah yang patut saya lakukan berkenaan beg udara kenderaan saya?

- Laraskan kecondongan stereng supaya beg udara menghala ke arah dada anda.
- Laraskan tempat duduk dan lajur stereng supaya terdapat sekurang-kurangnya sepuluh inci jarak antara beg udara dengan dada anda.

Apakah yang patut saya lakukan sekiranya saya terlibat dalam kemalangan?

- Segera dapatkan rawatan perubatan dan beritahu penyedia penjagaan pranalatal anda, walaupun anda tidak merasakan sebarang kecederaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hcpvs.org

